

0427

U B911 AAB
RUNDINGAN - MAHATHIR R R R
(I)

KUALA LUMPUR, 17 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN PERI PENTINGNYA KUASA-KUASA BESAR MENGIKTIRAFI PERANAN NEGARA-NEGARA KECIL DALAM MENYUMBANGKAN KEPADA KEAMANAN DUNIA.

PERDANA MENTERI BERKATA TIDAK ADA NEGARA YANG BOLEH DIANGGAP TERLALU KECIL UNTUK MEMBERI SUMBANGAN KEPADA KEAMANAN DUNIA.

INI DAPAT DICAPAI JIKA SETIAP NEGARA ITU MENGENDALIKAN HAL EHWAL DALAM NEGARA MASING-MASING DENGAN TERATUR, MEMPERKUAT KETAHANAN NASIONAL, MEMPERTAHAN MARUAH SERTA MEMPERTINGKAT KEUPAYAAN UNTUK BERDIKARI, TAMBAH BELIAU.

DALAM UCAPAN PADA PERSIDANGAN MEJA BULAT ASIA-PASIFIK KALI KETIGA DI SINI, BELIAU BERKATA BAHAWA NEGARA-NEGARA KECIL, SEPERTI MALAYSIA, TELAH MENGAKUI PERANAN PENTING YANG PERLU DILAKSANAKAN OLEH KUASA-KUASA BESAR DALAM PROSES BAGI MENGENDURKAN KETEGANGAN, MEMBINA KEYAKINAN DAN MENYELESAIKAN PERTIKAIAN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, SUMBANGAN YANG PERLU DILAKUKAN OLEH KUASA-KUASA BESAR ITU MESTILAH BUKAN SETAKAT MEWUJUDKAN KEADAAN UDARA YANG LEBIH BAIK SAHAJA, WALAUPUN IA JUGA MERUPAKAN SATU PERKARA PENTING.

PADA PIHAK NEGARA-NEGARA KECIL, DENGAN MENYEBUT ASEAN SEBAGAI CONTOH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERSATAUAN ITU TELAH DAN AKAN TERUS BERUSAHA MEMASTIKAN KEAMAAN SEPENUHNYA KEMBALI WUJUD DI ASIA TENGGARA. -- LAGI.

1141MST 17 06 89

D966

U B915 AAB
RUNDINGAN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R
(I)

PERDANA MENTERI BERKATA ASEAN TELAH BERKEMBANG DARIPADA SEKUMPULAN NEGARA YANG BERBEZA KEPADA SEBUAH KOMUNITI YANG BERTERASKAN KEPADA PERSEFAHAMAN DAN SALING PERCAYA-MEMPERCAYAI, MUHIBAH DAN KERJASAMA AKTIF YANG BELUM PERNAH WUJUD DALAM SEJARAH ASIA TENGGARA.

BELIAU BERKATA, APA YANG SUDAH DIWUJUDKAN DENGAN KUKUHNYA SEKARANG IALAH SEBUAH GUGUSAN ASEAN YANG AMAN, DAN LEBIH ISTIMEWA LAGI KERANA IA MERUPAKAN KEAMANAN TANPA PENAKLUKAN.

SATU LAGI PERKARA YANG PENTING IALAH BAHAWA KOMUNITI ASEAN MERANGKUMI TIGA PEREMPAT DARIPADA KAWASAN SEBENAR ASIA TENGGARA, TEMPAT TIGA DARIPADA SETIAP EMPAT ORANG RAKYAT ASIA TENGGARA TINGGAL, DAN TEMPAT LEBIH DARIPADA SEMBILAN-PERSEPULUH PENDAPATAN ASIA TENGGARA DIPEROLEHI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MATLAMAT ASEAN SEJAK MULA DIWUJUDKAN DAHULU IALAH SEMATA-MATA UNTUK MENJADIKAN RANTAU ITU SEBAGAI RANTAU AMAN DAN KERJASAMA. KERANA ITULAH, ASEAN MENENTANG PENCEROBOHAN VIETNAM DI CAMBODIA.

SAMBIL BERHARAP AGAR HANOI AKAN MEMENUHI IKRARNYA UNTUK MENGUNDURKAN TENTERANYA MENJELANG SEPTEMBER, BELIAU BERKATA ASEAN KINI SEHARUSNYA BERSIAP SEDIA UNTUK MELANCARKAN PERINGKAT KEDUA DALAM USAHA PERDAMAIAN SERANTAU.

+INI IALAH PENGWUJUDAN SISTEM KENEGARAAN ASIA TENGGARA APABILA SETIAP NEGARA WUJUD SECARA AMAN DAMAI ANTARA SATU DENGAN YANG LAIN, MELIBATKAN DIRI DALAM PERHUBUNGAN KERJASAMA YANG DINAMIK DAN SALING HORMAT-MENGHORMATI. -- LAGI.

1223MST 17 06 89

D967

U B916 AAB
RUNDINGAN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENYERU NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA SUPAYA MENGHAPUSKAN SEGALA PERASAAN SYAK WASANGKA DAN SALAH FAHAM KERANA PERPECAHAN TIDAK AKAN MEMBAWA APA-APA FAEDAH KEPADA MANA-MANA NEGARA.

+DEMI UNTUK KEPENTINGAN ASIA TENGGARA SECARA KESELURUHANNYA, PERLU DIWUJUDKAN PERIMBANGAN TENAGA YANG SIHAT, SATU SISTEM YANG TERBUKA KEPADA DUNIA, MENGANDUNGI NEGARA-NEGARA YANG SEJAHTERA EKONOMINYA, DINAMIK DARIPADA SEGI SOSIALNYA, SELAMAT, AMAN DAN BERSATU PADA SEGI POLITIKNYA.

OLEH ITU, KATANYA, MEREKA MESTI BERSEDIA MENERIMA PEMBABITAN SECARA MENYELURUH OLEH SEMUA KUASA BESAR DAN OLEH BURMA, VIETNAM, LAOS DAN CAMBODIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP SEMUA KUASA LUAR, TERMASUK NEGARA-NEGARA EROPAH BARAT DAN NEGARA-NEGARA DI ASIA TIMUR LAUT, SUPAYA DATANG KE ASIA TENGGARA UNTUK MELAKSANAKAN PERANAN YANG MEMBINA DAN MEMBERI MANFAAT KEPADA SEMUA.

BELIAU JUGA MENYOKONG SEPENUHNYA OBJEKTIF UNTUK MENGUBAH CORAK INDOCHINA DARIPADA SEBUAH MEDAN PERTEMPURAN KEPADA SEBUAH PASARAN, YANG MERUPAKAN PROSES DI MANA ASEAN BOLEH MEMAINKAN PERANAN CERGAS. NAMUN DEMIKIAN PROSES PERUBAHAN ITU MESTILAH DISEMPURNAKAN OLEH NEGARA-NEGARA INDOCHINA SENDIRI. -- LAGI.

1238MST 17 06 89

D973

U B919 AAB
RUNDINGAN - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN BAHAWA SEMUA ITU MUNGKIN TIDAK AKAN TERCAPAI KERANA IA BANYAK BERGANTUNG KEPADA PENGUNDURAN TENTERA VIETNAM DARIBUMI CAMBODIA, YANG MESTI DILAKUKAN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, ASEAN MESTILAH BERSEDIA MELAKSANAKAN PERANAN YANG BENAR-BENAR MEMBINA UNTUK MENGHAPUSKAN HALANGAN ITU DAN MEMASTIKAN WUJUDNYA NEGARA CAMBODIA YANG MERDEKA, BERKECUALI DAN YANG SANGAT PENTING, AMAN.

KATANYA, RAKYAT CAMBODIA SUDAH CUKUP MENDERITA DAN JIKA DASAR PENGHAPUSAN SESUATU BANGSA WUJUD SEMULA, IA AKAN MERUPAKAN SATU TRAGEDI. KERANA ITULAH, KATANYA, SEGALA USAHA PERLU DILAKUKAN UNTUK MENCEGAH MELETUSNYA PERANG SAUDARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA SEBARANG PENYELESAIAN POLITIK YANG MENYELURUH YANG DICAPAI MESTILAH YANG BERMORAL, BERDAYA MAJU DAN PRODUKTIF.

PENYELESAIAN SEUMPAMA ITU MESTILAH MENERIMA KENYATAAN YANG WUJUD DI RANTAU ITU DAN DALAM POLITIK ANTARABANGSA. IA MESTILAH MENYEDIAKAN TEMPAT YANG BERMAKNA KEPADA PUTERA NORODOM SIHANOUK (PRESIDEN CGDK YANG DIKTIRAF OLEH BANGSA-BANGSA BERSATU).

SEJUMLAH 150 PESERTA DARI 23 NEGARA TERMASUK TIMBALAN MENTERI LUAR VIETNAM, TRAN QUANG CO, MENYERTAI PERSIDANGAN SELAMA DUA HARI ITU, YANG DIANJURKAN OLEH INSTITUT KAJIAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA (ISIS) MALAYSIA.

ISU YANG DIBINCANGKAN TERMASUK TEMPOH TENANG DALAM HUBUNGAN SOVIET-AMERIKA, PEMULIHAN HUBUNGAN CHINA-SOVIET, PERANG DINGIN SOVIET-JEPUN, HUBUNGAN SINO-VIETNAM, PERTIKAIAN KOREA, PENYELESAIAN POLITIK TERHADAP MASALAH CAMBODIA DAN ASIA TENGGARA SELEPAS CAMBODIA. -- BERNAMA.

1300MST 17 06 89

0000